



PROGRAM KEMASYARAKATAN: INISIATIF SESAMA INSAN APB UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

NUR HAKIMAH BINTI MD SALLEHUDDIN

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh dengan ujian dan cabaran di seluruh dunia. Pandemik Covid – 19 telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia. Sektor ekonomi merupakan sektor yang paling teruk terjejas, ditambah pula, tahun 2020 kini telah pun masuk ke suku terakhir tahunan di mana tibanya musim tengkujuh di Malaysia dan telah berlaku musibah banjir di beberapa negeri khususnya di daerah- daerah Negeri Sembilan.

Program Inisiatif Sesama Insan ini diadakan adalah bertujuan untuk mengutip sumbangan kewangan dan barang keperluan dalam kalangan pensyarah Akademi Pengajian Bahasa (APB) untuk diagihkan kepada mangsa banjir melalui wakil APB kepada wakil penduduk di kawasan yang terjejas. Selain itu, program ini juga membuka ruang kepada sukarelawan untuk turun padang dan bersama-sama menjalankan misi mengagihkan bantuan keperluan kepada mangsa banjir serta menyumbang khidmat kepada masyarakat.

Pada 12 November 2020, Seramai 5 orang wakil APB UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban yang terdiri daripada pensyarah telah turun padang untuk menyerahkan sumbangan yang berbentuk wang ringgit dan barang keperluan kepada penduduk di Kampung Semarak Kampung Abok Rahang, Seremban. Kampung tersebut merupakan salah satu kawasan yang teruk terjejas kesan daripada banjir berlaku. Penduduk-penduduk terpaksa menanggung kerugian berupa kerosakan harta benda seperti kereta dan rumah yang disaluti lumpur dan sebagainya. Sumbangan yang diberi adalah hasil daripada pengumpulan dana dan barang keperluan yang telah dikumpul oleh pihak APB UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban untuk disumbangkan kepada penduduk-penduduk yang terjejas.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya program khidmat masyarakat seperti ini diharapkan agar dapat meringankan sedikit sebanyak bebanan yang perlu di tanggung oleh penduduk yang terkesan dengan ujian daripada kesan pandemik Covid – 19 yang berlaku dan juga bencana alam yang melanda. Program ini juga merupakan satu platform yang baik untuk UiTM khususnya APB UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban untuk menjalin silaturahim bersama masyarakat setempat dalam masa yang sama dapat menabur bakti dan memberi sokongan kepada masyarakat dan negara dalam menempuhi pelbagai ujian dan cabaran yang melanda.

